

**KUTIPAN ZAKAT DI NEGERI LAIN OLEH EJEN DAN AMIL TIDAK BERTAULIAH MENURUT SYARAK**

*Across State Zakat Collection By Non Accredited Agent And Amil From The Perspective Of Islam*

Azman Ab Rahman<sup>i</sup>, Muhammad Najib Abd Wakil<sup>ii</sup>, Syed Mohd Najib Syed Omar<sup>iii</sup>,  
 Hasnizam Hashim<sup>iv</sup>, Zahari Mahad Musa<sup>v</sup>, Irwan Mohd Subri<sup>vi</sup> & Mursyid Junaidi  
 Mohd Faisal Yeap<sup>vii</sup>

<sup>i</sup>Prof Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. azman@usim.edu.my  
<sup>ii</sup>Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. ajib.111.mn@gmail.com  
<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. symnajib@gmail.com  
<sup>iv</sup>Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. hasnizam@usim.edu.my  
<sup>v</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. zahari@usim.edu.my  
<sup>vi</sup> Prof Madya, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. irwan@usim.edu.my  
<sup>vii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. mursyidjunaidi@yahoo.com

Article Progress

Received: 7 August 2019

Revised:30 August 2019

Accepted: 18 December 2019

Abstrak	Abstract
<p><i>Pengurusan perihal zakat adalah tertakluk kepada kuasa dan pandangan pemerintah setempat. Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) negeri-negeri adalah pemerintah yang berkuasa dalam pengurusan zakat termasuklah berkaitan kutipan zakat masyarakat setempat. Berdasarkan tinjauan semasa, semua MAIN telah melantik ejen atau amil yang bertauliah dalam kalangan institusi, kelompok atau individu bagi memudahkan lagi proses kutipan zakat di negeri masing-masing. Kebenaran mengutip zakat tersebut hakikatnya adalah bersifat lokal dan tidak dibenarkan merentasi sempadan negeri lain. Umumnya, hampir kesemua negeri memperuntukkan enakmen, akta atau ordinan yang menjelaskan hukuman dan kesalahan jenayah Syariah bagi perbuatan mengutip zakat di negeri lain atau tanpa kebenaran. Namun begitu, timbul beberapa kes dan isu yang melibatkan kesalahan mengutip zakat dalam</i></p>	<p><i>Zakat management is subject to the authority and views of the local government. In Malaysia, the State Islamic Religious Council (MAIN) in everu state is the ruling authorities in the management of zakat includes the collection of zakat from the local community. Base on the current survey, all MAINs have appointed certified agents or amil within the institutions, groups or individuals to facilitate the collection of zakat in their respective states. Permission to collect zakat is essentially implemented on local base and appointed agents are not allowed to collect zakat across the state borders. Generally, almost all states provide enactments, acts or ordinances explaining Shariah criminal penalties and offenses for the act of collecting zakat in other states without permission. However, there are cases and issues arose from this crime activity among amil or unauthorized agents. This action indirectly affects</i></p>

*kalangan amil atau ejen yang tidak bertauliah di negeri lain. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan kepada institusi zakat dan penerima zakat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu berkaitan kutipan zakat di negeri lain oleh ejen dan amil yang tidak bertauliah. Kajian juga akan menilai isu-isu yang berkaitan menurut pandangan syarak termasuk fatwa yang dikeluarkan di samping mencadangkan alternatif sebagai solusi bagi polemik ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual dan dokumentasi dalam pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa isu kutipan zakat di negeri lain oleh ejen dan amil yang tidak bertauliah adalah bertentangan dengan syarak dan perundangan Syariah di Malaysia. Kajian ini boleh menjadi rujukan dan panduan oleh pihak institusi zakat, MAIN, jabatan mufti dan badan-badan berautoriti zakat di Malaysia dalam menangani isu kutipan zakat di negeri lain. Kajian lanjutan berkaitan kesan isu ini terhadap institusi zakat dan penerima zakat di negeri yang terlibat perlu dijalankan bagi memastikan gejala ini dapat ditangani sebaik mungkin.*

*Kata kunci: Kutipan, Zakat, Ejen, Amil, Syarak*

*zakat institutions and zakat recipients negatively. The objective of this study is to identify issues and modus operandi associated with zakat collection across states by unauthorized agents and amil. The study will also assess issues related to Islamic view including the issued fatwas while suggesting alternatives as solution to this polemic. This study utilises qualitative approach involving interviews and documentation in data collection. The findings show that the issue of zakat collection in other states by unauthorized agents and amils are contradict to Syariah Administration law in Malaysia. This study hopefully can be a reference to zakat institutions, MAIN, state mufti departments and zakat-authorized bodies in Malaysia in addressing the issue of across states zakat collection. Further studies on the effects of this issue on zakat institutions and zakat recipients in the affected states need to be carried out to ensure that this wrongdoing can be curbed effectively.*

*Key words: Collection, Zakat, Agent, Amil, Islamic Regulation*

## PENDAHULUAN

Perkembangan dan pembiakan populasi manusia yang begitu pantas telah mendesak pelbagai usaha dilakukan dalam memantapkan institusi zakat terutamanya dalam hal berkaitan kutipan dan agihan zakat. Penubuhan unit zakat bergerak, kaunter zakat pandu lalu (*drive-thru*), bayaran zakat atas talian, perlantikan ejen zakat dan lain-lain usaha telah dilaksanakan oleh pihak yang pelbagai dalam mengoptimumkan kutipan dan agihan zakat dalam kalangan masyarakat. Bertitik tolak daripada usaha-usaha yang giat dijalankan, realitinya terdapat beberapa polemik dan permasalahan yang timbul di dalam institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Antaranya adalah isu kutipan zakat di negeri lain. Hakikatnya, struktur pentadbiran dan perkara-perkara yang berkaitan zakat adalah di bawah kuasa setiap negeri melainkan Wilayah Persekutuan yang pengurusannya terletak di bawah Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, kuasa-kuasa berkaitan kutipan zakat juga tertakluk kepada kuasa negeri dan tidak dibenarkan melepasi had

kawasan negeri masing-masing. Hampir kesemua negeri telah memperuntukkan kesalahan dan hukuman bagi pengutip zakat asing selain amil dan wakil pengutip zakat yang dilantik oleh sesebuah negeri. Di Malaysia, kegiatan mengutip zakat di negeri lain dilihat semakin menular dan membarah di sebahagian negeri seperti di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Sebagai contohnya, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini menerima pelbagai aduan berkaitan ejen atau amil zakat yang tidak bertauliah yang datang mengutip zakat di Wilayah Persekutuan. Perlakuan tersebut adalah menyalahi Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 melalui peruntukan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) seksyen 33. Berdasarkan maklumat yang diraih, RM40.28 juta bersamaan 53% pembayar zakat pada tahun 2014 (dari sejumlah RM76 juta) tidak mengulangi pembayaran kepada PPZ MAIWP pada 2015 atas faktor telah membuat pembayaran zakat di negeri lain (Khairulazhar 2018). Amalan kutipan zakat di luar kawasan ini hakikatnya telah memberikan impak yang negatif terhadap aliran kutipan zakat negeri yang diceroboh dan dikhuatiri boleh menjejaskan hubungan baik antara negeri-negeri di Malaysia dalam kerangka yang lebih empirikal. Oleh itu, satu kajian yang mendalam harus dijalankan bagi melihat status dan hukum kutipan zakat luar kawasan dari sudut pandangan Syariah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metode yang digunakan bagi kajian ini adalah kualitatif iaitu kaedah yang sesuai untuk meneroka dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia, masyarakat atau konteks. Sebagai contohnya, kajian ini mengkaji isu kutipan zakat di negeri lain yang menjadi isu dan permasalahan institusi zakat di Malaysia. Secara umumnya, kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dan temu bual dalam proses pengumpulan maklumat. Metode induktif, deskriptif dan komparatif turut digunakan sebagai kaedah menganalisis data yang terkumpul.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Isu dan amalan kutipan zakat merentasi kawasan negeri perlu diberikan perhatian dan kajian mendalam dari perspektif Islam dan amalan pentadbiran syariah di Malaysia sebelum apa-apa pendapat dikeluarkan. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan topik kutipan dan agihan zakat di dalam Islam serta urus tadbir kutipan zakat di Malaysia. Perbincangan ini akan diakhiri dengan pendapat dan cadangan yang sesuai bagi mengatasi isu dan amalan kutipan zakat yang diperbincangkan.

## Urus Tadbir Kutipan Zakat di Malaysia

Kuasa mengenai pentadbiran Syariah di Malaysia adalah diperuntukkan di dalam Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan, Senarai II yang menyatakan bahawa pentadbiran Syariah diberikan amalan kuasa dan pentadbirannya mengikut negeri-negeri di Malaysia secara berasingan dan bebas daripada kuasa persekutuan (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997). Berbeza pula dengan wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, hukum syarak dan undang-undang berkaitan diri dan keluarga penganut Islam adalah ditentukan dan diselia di bawah kuasa negeri mengikut peruntukan yang diberikan oleh undang-undang persekutuan mengikut ketetapan adat dan istiadat Melayu (Farid, Tajul & Hisham 2010). Urus tadbir zakat negeri umumnya dikawal dan diselia oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN). Dalam konteks kutipan dan agihan zakat di Malaysia, Sultan atau pemerintah mempunyai bidang kuasa untuk melantik amil, pengurus dan kaki tangan institusi zakat bagi melaksanakan tugas-tugas tersebut secara teratur dan sistematik (Azman, 2015).

Berdasarkan landskap pentadbiran agama Islam di Malaysia, setiap negeri telah diberikan peruntukan kuasa bagi mentadbir dan mencorak pengurusan zakat mengikut jajahan takluk atau wilayah persempadanan negeri masing-masing. Hampir keseluruhan negeri mewujudkan peruntukan perundangan berkenaan kuasa mengutip zakat yang hanya diberikan kepada MAIN atau mana-mana wakil sama ada amil atau ejen yang dilantik oleh MAIN di negeri masing-masing. Perlu dititikberatkan bahawa lantikan sesuatu pihak sebagai wakil MAIN dalam mengutip zakat adalah terhad bagi lokalisasi persempadanan negeri tersebut sahaja. Sebarang kegiatan mengutip zakat yang merentasi persempadanan negeri lain adalah dianggap tidak bermoral dan menyalahi peruntukan undang-undang negeri yang wujud di Malaysia. Kutipan zakat yang merentasi sempadan negeri lain juga dikategorikan sebagai kesalahan kutipan zakat tanpa lantikan atau tanpa tauliah. Konsekuensinya, kebanyakan negeri telah memperuntukkan pelbagai jenis denda dan hukuman bagi pelaku kegiatan tersebut jika disabitkan bersalah oleh pihak mahkamah syariah. Senarai peruntukan hukuman yang ditetapkan oleh negeri-negeri di Malaysia adalah seperti di dalam Jadual berikut:

Peruntukan Kesalahan	1. Tiada Peruntukan Kesalahan Dan Denda Jenayah Syariah	2. Denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Tiada peruntukan merampas kutipan zakat yang diberikan kepada Mahkamah Syariah.	3. Denda RM3000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya serta wang kutipan zakat boleh dirampas.
----------------------	---	---	---

Negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlis</li> <li>• Kedah</li> <li>• Kelantan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selangor (Denda RM3000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya)</li> <li>• Melaka (Denda RM2000 atau penjara 18 bulan atau kedua-duanya)</li> <li>• Negeri Sembilan (Denda RM1000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya)</li> <li>• Sabah (Denda RM5000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pulau Pinang</li> <li>• Perak</li> <li>• Wilayah Persekutuan</li> <li>• Sarawak</li> <li>• Terengganu</li> <li>• Johor</li> <li>• Pahang</li> </ul>
--------	---	---	--

Hampir kesemua negeri di Malaysia memperuntukkan hukuman bagi kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah atau rentas negeri menerusi Enakmen, Akta atau Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah di negeri masing-masing. Walaupun negeri Perlis, Kedah dan Kelantan masing-masing tidak memperuntukkan hukuman jenayah syariah bagi pengutip-pengutip zakat tanpa tauliah, terdapat beberapa bukti yang kukuh menunjukkan bahawa negeri-negeri tersebut turut memerangi kesalahan jenayah syariah yang dibincangkan. Bagi negeri Perlis dan Kelantan, Seksyen 86, Bahagian 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 dan Seksyen 51, Bahagian 3 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Negeri Kelantan) 1994 ada memperjelaskan bahawa kuasa mengutip zakat dan fitrah adalah dipikul oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing bagi pihak Raja atau Sultan yang dilantik. Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dikuatkuasakan ini, dapat difahami bahawa perbuatan mengutip zakat tanpa kebenaran atau tauliah yang diberikan oleh MAIN di negeri Perlis dan Kelantan adalah turut dianggap sebagai kesalahan jenayah syariah. Bagi negeri Kedah pula, titah perintah Sultan Kedah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada 17 April 2018 telah mengharamkan kutipan zakat yang dilakukan oleh ejen luar dan tidak bertauliah di negeri tersebut. Tindakan Sultan Kedah tersebut sekali lagi menghukumkan bahawa kegiatan mengutip zakat di negeri lain atau rentas sempadan adalah diharamkan secara total dan menjadi musuh kesemua negeri di Malaysia tanpa sebarang kompromi.

## Pengurusan Zakat Oleh Pemerintah Setempat

Secara umumnya, majoriti fuqaha berpendapat bahawa amil-amil zakat yang berhak mengutip harta zakat daripada pemilik harta dan layak menerima bahagian upah zakat hanyalah amil yang dilantik oleh pemerintah. Pendapat ini adalah hasil daripada pemahaman beberapa dalil yang wujud menerusi ayat al-Quran, al-Hadis, al-Athar dan al-Ijma'. Kesemua dalil yang dibincangkan di dalam topik ini adalah berkaitan asas kepatuhan seseorang Muslim terhadap pelaksanaan pemerintah dalam hal berkaitan zakat. Secara umumnya, Allah telah menurunkan perintah untuk patuh kepada arahan dan keputusan yang ditetapkan oleh pemerintah yang dilantik di sesuatu kawasan. Perintah tersebut boleh diteliti melalui ayat ke 59, Surah An-Nisa' iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۚ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ  
إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (59)

Maksudnya: “Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (As-Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian itu adalah lebih baik (bagimu) dan lebih elok pula kesudahannya”.

Berdasarkan Tafsir al-Qurtubi, beliau mentafsirkan bahawa ketaatan kepada pemerintah adalah wajib sekiranya perintah yang diberikan adalah tidak menyeru atau menyokong perkara yang dilarang oleh Islam. Jika terdapat sebarang perbalahan atau perbezaan pendapat, maka manusia diseru untuk kembali kepada ajaran Islam yang diperjelaskan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Tafsiran tersebut adalah bertepatan dengan hadis baginda nabi iaitu:

لا طاعة للمخلوق في معصية الخالق

Maksudnya: Tiada ketaatan kepada makhluk dalam melakukan maksiat kepada Allah. (Riwayat Ahmad)

Menurut al-Sa'adi, hadis ini menunjukkan bahawa ketaatan wajib diberikan kepada pemimpin, ibu bapa, suami, dan mana-mana pihak sekiranya perkara tersebut adalah membawa kepada kebaikan dan tidak bertentangan dengan Syariah. Segala perintah yang menyuruh ke arah kejahatan atau arahan meninggalkan suruhan Allah adalah wajib diingkari dan tiada kepatuhan padanya.

Dalam konteks pelaksanaan zakat di dalam Islam, umumnya kuasa berkaitan proses kutipan, agihan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan zakat adalah di bawah ketetapan pemerintah atau *ulul amri* di sesuatu tempat.

Beberapa dalil yang terdiri daripada al-Quran, al-Hadis, al-Athar dan al-Ijma' akan dibincangkan secara tuntas melalui sub tajuk ini.

a) Al-Quran

Pelaksanaan zakat oleh golongan pemerintah dapat difahami menerusi dalil-dalil Al-Quran seperti berikut:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ  
السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (60)

(Al-Taubah: 60)

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datang) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat al-Quran yang dinyatakan sebelum ini secara umumnya membincangkan bahawa terdapat lapan golongan asnaf yang layak dan berhak untuk diberikan zakat. Salah satu golongan yang disebutkan di dalam lapan golongan tersebut adalah disebut sebagai amil (petugas-petugas zakat). Golongan amil berhak untuk menerima zakat sebagai galakan atau motivasi ke arah gerak kerja yang lebih amanah dan profesional. Pelbagai tafsiran yang diberikan oleh para ulama dalam memberi makna terhadap kalimah “amil” yang terdapat di dalam ayat Al-Quran tersebut.

Sebagai contohnya, Imam Al-Kasani dari fuqaha mazhab Hanafi berpendapat bahawa : “العاملون عليها” adalah merujuk kepada golongan yang dilantik oleh “الامام” (pemerintah) untuk mengutip zakat. Menyokong bagi pendapat tersebut, Imam Al-Qurtubi yang merupakan mufassir dan ulama daripada mazhab Maliki berkata: “العاملون عليها” adalah merujuk kepada juru kira dan pengutip zakat yang dihantar oleh “الامام” (pemerintah).

Imam As-Syafie juga ada mengulas makna bagi perkataan “العاملون عليها” dan menyandarkan perkataan tersebut kepada sesiapa yang dilantik oleh “الوالي”

(pemerintah) bagi mengutip dan mengagihkan zakat. Taqiyyuddin Al-Husaini yang juga daripada kalangan ulama Syafiiyyah berpendapat : Amil ialah pekerja yang ditugaskan oleh pemerintah untuk mengambil zakat dan diserahkan kepada mereka yang berhak sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Imam An-Nawawi di dalam penulisannya yang bertajuk Raudhah al-Tolibin ada membincangkan perihal golongan amil zakat. Beliau berpendapat bahawa wajib ke atas “الامام” (pemerintah) untuk menghantar pengutip yang mengumpul zakat dalam kalangan Muslimin yang berkemampuan.

Seterusnya, Abdul Qadir bin Umar As-Syaibani salah seorang fuqaha daripada mazhab Hanbali berkata : “العاملون عليها” adalah pengutip zakat yang diutus oleh “الامام” (pemerintah) untuk mengambil zakat daripada pemiliknya. Imam Ibnu Hazmin Az-Zahiri pula berkata : “العاملون عليها” adalah amil-amil yang keluar bagi pihak “الامام” (pemerintah) yang wajib ditaati. Mereka ditugaskan untuk mengagih zakat dan mengutip zakat.

Berdasarkan pelbagai pendefinisian yang dibincangkan di atas, para ulama dengan jelas bersepakat dan berpendapat bahawa amil mestilah dilantik oleh pemerintah. Oleh itu, seserang yang tidak dilantik oleh pemerintah tidak boleh melakukan tugas seorang amil dan tidak sah.

Selain itu, terdapat juga ayat al-Quran lain yang membawa kepada pemahaman serupa seperti ayat yang dibincangkan oleh para ulama sebelum ini.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (103)

(Al-Taubah: 103)

Maksudnya: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Melalui ayat al-Quran yang seterusnya ini majoriti ulama mentafsirkan perkataan sedekah tersebut sebagai sebagai zakat. Selain itu, kata perintah “ambillah” adalah bersifat umum dan ditujukan kepada Nabi Muhammad SAW dan semua pemerintah yang memegang tanggung jawab dalam mengurus perihal urusan umat Islam.

Pandangan-pandangan fuqaha di atas adalah bertepatan dan selari dengan apa yang telah dilaksanakan oleh baginda Rasulullah SAW bersama para khulafa Al-Rasyidin ketika zaman kegemilangan pemerintahan Islam. Melalui sorotan sejarah Islam, baginda dan para Khulafa Al-Rasyidin telah melantik para amil yang bertugas untuk mengutip harta zakat daripada orang kaya dan mengagihkannya



kepada asnaf yang berhak menerimanya. Oleh yang demikian, mana-mana pihak, individu atau kumpulan yang melaksanakan urusan kutipan atau agihan zakat tanpa perlantikan atau tauliah yang sah daripada pihak pemerintah, ia adalah satu perkara yang batil dan tidak sah menurut hukum Syarak dan hukumnya adalah haram dan berdosa.

b) Al-Hadis

وعن ابن عباس رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لما بعث معاذاً إلى اليمن قال له: إنك تأتي قوماً من أهل الكتاب، فليكن أول ما تدعوهم إليه شهادة أن لا إله إلا الله -وفي رواية: إلى أن يوحدوا الله-، فإن هم أطاعوك لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم خمس صلوات في كل يوم وليلة، فإن هم أطاعوك لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم صدقةً تؤخذ من أغنياءهم فترد على فقراءهم، فإن هم أطاعوك لذلك فإياك وكرائم أموالهم، واتق دعوة المظلوم فإنه ليس بينها وبين الله حجاب

Maksudnya: Dari Abdullah bin Abbas radhiyallahu anhu berkata: Rasulullah shallahu alaihi wasallam pernah bersabda kepada Muadz RA tatkala Rasulullah mengutusnyanya ke Yaman: "Sesungguhnya engkau akan mendatangi kaum ahli kitab, dan apabila engkau telah berhadapan dengan mereka, maka serulah mereka agar bersaksi bahwa tidak ada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, dan apabila mereka menaatimu dalam hal tersebut maka kabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah telah mewajibkan mereka untuk mendirikan shalat lima waktu pada siang dan malam hari, dan jika mereka menaatimu dalam hal itu maka kabarkan pula bahwasanya Allah ta'la mewajibkan mereka untuk membayar zakat, yang diambil dari harta orang-orang kaya di antara mereka dan diberikan kepada orang-orang yang fakir dikalangan mereka, dan jikalau mereka mentaatimu, maka jauhilah olehmu untuk mengambil zakat dari harta terbaik yang mereka miliki, dan takutlah dirimu dari doa-doa orang yang terdhalimi karena antara mereka dengan Allah tiada hijab untuk mengijabahi doa tersebut." (HR Bukhari dan Muslim)

c) Al-Ijma'

Kajian mendapati bahawa para ulama terdahulu dan kontemporari telah bersepakat menyatakan bahawa pelaksanaan zakat merupakan sebahagian daripada tanggung jawab dan amanah setiap pemerintah atau *ulul amri* mengikut kesesuaian tempat dan masa. Hakikatnya, setiap penguasa atau pemerintah tempatan perlu cakna dan terlibat dengan proses pelaksanaan zakat seperti yang termaktub di dalam Surah al-Taubah ayat 60. Perkara tersebut adalah diketahui, disepakati dan masyhur dalam kalangan para ulama.

d) Al-Athar

Abu Daud RA meriwayatkan bahawa Sahl Ibn Abi Salih berkata bahawa ketika terkumpul padaku harta yang telah mencapai nisab zakat, maku aku bertanya kepada Sa'ad Ibn Abi Waqqas, Ibn Umar, Abi Hurairah, dan Abi Said Al-Khudri, bagaimanakah pendapat mereka jika aku menyerahkan zakat tersebut kepada penguasa? Maka mereka semua menyuruhku untuk menyerahkannya kepada penguasa dan tiada satupun di antara mereka yang berbeza pendapat padanya.

Ibn Umar RA juga berkata bahawa, serahkan sahaja zakat kamu sekalian kepada orang-orang yang dijadikan Allah SWT sebagai penguasa di dalam urusan kamu sekalian. Barangsiapa yang berbuat kebaikan maka akan bermanfaat bagi dirinya sendiri dan barang siapa yang berbuat jahat maka akan mendatangkan mudharat bagi dirinya sendiri. Dalam riwayat lain, beliau berkata bahawa serahkanlah zakat kamu sekalian kepada penguasa, walaupun mereka menggunakannya untuk meminum arak. Selain itu, terdapat juga hadis yang menggesa umat Islam untuk menyerahkan harta zakat kepada pemerintah asalkan penguasa tersebut mengerjakan solat lima waktu.

### **Hubungan Isu Kutipan Zakat Di Negeri Lain Dan Ketaatan Kepada Pemerintah**

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan struktur politik demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Hakikatnya, pemerintahan di Malaysia adalah diterajui oleh kerajaan yang memerintah iaitu terdiri daripada kabinet yang dilantik berdasarkan pilihan rakyat melalui pilihan raya. Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Yang di-Pertuan Agong merupakan pemimpin tertinggi di Malaysia. Walaupun secara rasminya, badan eksekutif yang memerintah Malaysia melibatkan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong, namun begitu baginda hanyalah sebagai lambang bagi autoriti pemerintahan. Kaki tangan perkhidmatan Awam, polis dan tentera pula, meskipun boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada badan eksekutif, namun mereka tidak dipilih melalui pilihan raya dan hanya melaksanakan arahan atau perundangan yang digariskan oleh Kabinet. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pemimpin atau *ulul amri* bagi negara Malaysia ialah Jemaah Menteri yang berada di Kabinet dan diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Mereka dilantik melalui sistem pilihan raya yang diadakan pada prinsipnya sekali dalam tempoh lima tahun.

Pengasingan kuasa antara pemerintahan dan kehakiman telah mewujudkan juga ulu al-amr dalam bidang perundangan dan kehakiman. Merujuk kepada sistem perundangan negara, Parlimen berada pada kedudukan yang tertinggi dalam sektor perundangan. Pembentukan parlimen adalah terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Parlimen mempunyai kuasa untuk meminda, menggubal dan menghapus peruntukan perundangan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Namun begitu, kuasa-kuasa yang dimiliki oleh ahli parlimen dalam perihal berkaitan Perlembagaan Persekutuan Malaysia tersebut bukanlah bersifat mutlak dan masih

perlu mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Perlu untuk difahami bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan sumber bagi segala perundangan yang wujud di negara pertiwi ini. Segala perundangan yang wujud di Malaysia perlulah selari dengan peruntukan-peruntukan yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia termasuklah hal-hal berkaitan perundangan zakat di Malaysia.

Kembali kepada perbincangan asal kajian ini, peruntukan berkaitan kuasa mengutip dan mengurus zakat di negeri-negeri adalah tertakluk kepada enakmen atau ordinan pentadbiran agama Islam yang dikeluarkan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Menurut peruntukan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai Dua di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pentadbiran Syariah diberikan amalan kuasa dan pentadbirannya mengikut negeri-negeri di Malaysia secara berasingan dan bebas daripada kuasa persekutuan (Ahmad Mohamed Ibrahim). Berbeza pula dengan wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga penganut Islam seperti perkara yang melibatkan wasiat, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, penjagaan anak, wakaf dan hal-hal syariah yang lain adalah ditentukan dan diselia di bawah kuasa negeri mengikut peruntukan yang diberikan oleh undang-undang persekutuan mengikut ketetapan adat dan istiadat Melayu. Berdasarkan pernyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa peruntukan enakmen atau ordinan negeri-negeri berkaitan undang-undang atau tadbir urus zakat adalah bersifat lokal, benar dan wajib dipatuhi oleh keseluruhan masyarakat Islam di Malaysia. Setiap individu perlu akur dan patuh kepada setiap perundangan pentadbiran agama Islam di negeri masing-masing selagi perkara tersebut tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Dalam konteks negara Malaysia, sebarang penetapan, hukuman dan denda adalah diwujudkan melalui penguatkuasaan undang-undang. Oleh itu, ketaatan dan keingkaran terhadap pemimpin di Malaysia adalah melambangkan tahap kepatuhan seseorang terhadap peruntukan undang-undang yang wujud di Malaysia sama ada berkaitan jenayah, politik, sosial, keagamaan dan ekonomi. Hakikatnya, segala undang-undang yang selari dan bersesuaian dengan hukum Islam adalah sebenarnya dikira sebagai undang-undang Islam walaupun undang-undang tersebut tidak dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran mahupun al-Hadis. Undang-undang yang selari dan tidak bercanggah dengan hukum Islam adalah wajib ditaati oleh umat Islam dan dikuatkuasakan oleh negara melalui prosedur dan tatacara tertentu. Undang-undang Islam merangkumi perkara yang telah diijtihadkan untuk diguna pakai oleh sesebuah negara selari dengan kemaslahatan masyarakat setempat. Penetapan ini dilihat selari dengan kaedah Fiqh yang digariskan oleh Islam iaitu:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: Tindakan (pelaksanaan) pemerintah ke atas rakyat adalah terikat dengan masalah.

Perundangan pentadbiran agama Islam khususnya berkaitan pengurusan zakat yang dibahagikan mengikut persempadanan negeri adalah bagi memudahkan pemerintah untuk mentadbir pengurusan zakat secara adil dan saksama. Pembahagian kuasa mengikut lokalisasi negeri dilihat berskala lebih kecil dan khusus berbanding kapasiti pentadbiran zakat mengikut negara Malaysia. Oleh itu, penjagaan hak asnaf dan penguatkuasaan kutipan zakat secara logiknya dapat dijalankan dengan lebih berstruktur dan mengurangkan kesilapan dari sudut urus tadbir zakat dengan pendekatan yang bersifat setempat. Kes pengabaian hak asnaf untuk mendapat bantuan zakat juga dapat diminimakan melalui urus tadbir zakat yang dibahagikan mengikut negeri.

Justeru, perundangan Islam tidaklah terbatas kepada hukuman hudud dan qisas sahaja, bahkan wujud juga hukuman ta'zir iaitu ruang bagi pemimpin untuk mencorakkan perundangan bagi menjaga kemaslahatan ummah. Secara umumnya, segala undang-undang yang bercanggahan dengan syariah Islam adalah dilarang untuk dipatuhi. Arahan ini adalah berdasarkan kepada kefahaman hadis:

لا طاعة لبشر في معصية الله، إنما الطاعة في المعروف

Maksudnya: Tiada ketaatan kepada manusia dalam melakukan maksiat kepada Allah, sesungguhnya ketaatan hanyalah kepada perkara ma'ruf (kebaikan).

(Hadis Riwayat Bukhari)

Undang-undang yang bertentangan dengan ajaran Islam hanya boleh dipatuhi sekiranya jika mengingkarinya akan mengakibatkan keburukan yang lebih besar. Kewujudan undang-undang yang menyokong ke arah perlakuan maksiat dan peningkatan kes murtad contohnya, Islam melarang dengan tegas umatnya untuk patuh dan taat kepada perundangan sedemikian. Umat Islam digesa untuk berjuang menentang perundangan tersebut dan dari segenap sudut agar kemuliaan Islam tidak dipijak oleh musuh-musuh Islam.

### **Fatwa Kutipan Zakat Di Negeri Lain Di Malaysia**

Kajian ini telah meninjau dan merujuk kepada beberapa keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dikeluarkan oleh beberapa buah negeri di Malaysia berkaitan hukum kutipan zakat oleh ejen atau amil yang tidak dilantik atau merentasi sempadan negeri yang ditetapkan. Secara umumnya, kebanyakan negeri masih belumewartakan fatwa berkaitan permasalahan yang dibincangkan. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa peruntukan perundangan berkaitan kesalahan kutipan zakat di negeri lain atau rentas sempadan adalah berkuat kuasa di keseluruhan negeri di Malaysia dan dianggap sebagai jenayah Syariah.

Di negeri Selangor, terdapat Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkaitan kesalahan kutipan zakat tanpa lantikan sah oleh Majlis Agama Islam Selangor dan pengagihan zakat ke negeri lain tanpa izin *ulul amri*. Keputusan tersebut dikeluarkan pada tahun 2016, walau bagaimanapun masih belum diwartakan. Berdasarkan hukum yang dikeluarkan, fatwa tersebut menyatakan bahawa kutipan zakat tersebut adalah tidak sah di sisi syarak dan bercanggah dengan peruntukan perundangan sedia ada. Peruntukan perundangan sedia ada yang termaktub menerusi Seksyen 86, Bahagian 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) Tahun 1995 seperti yang telah diperbincangkan sebelum ini.

Bagi negeri Terengganu, Mantan Mufti Negeri Terengganu, Syed Yusuf bin Ali Az-Zawawi telah memberi pandangan berkenaan pembayaran zakat fitrah kepada amil yang tidak dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri. Menurut beliau, rakyat Terengganu yang membayar zakat kepada amil yang tidak dilantik secara sah oleh pentadbiran agama Islam Negeri Terengganu boleh mengakibatkan hukum pemberian zakat tersebut juga tidak sah di sisi Islam.

Kajian ini mengharapkan penggazetan fatwa pengharaman kegiatan mengutip zakat di negeri lain atau tanpa tauliah ini dikeluarkan oleh setiap negeri di Malaysia. Walaupun peruntukan hukuman berkaitan jenis kesalahan ini sudah dinyatakan di dalam enakmen, akta atau ordinan negeri masing-masing, pengeluaran fatwa pengharaman oleh pihak mufti di negeri-negeri diharapkan lebih menzahirkan keprihatinan institusi fatwa zakat di Malaysia secara keseluruhannya dalam menangani isu ini secara holistik tanpa sebarang kompromi.

## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana membiayai sepenuhnya kajian ini di bawah Kod Penyelidikan USIM: USIM/JAKIM/INFAD/FSU/052003/43417. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## PENUTUP

Islam sebagai sebuah agama yang sempurna menetapkan bahawa urusan pelaksanaan zakat adalah tertakluk kepada kuasa dan pemerintahan pemimpin atau *ulul amri* di sesebuah tempat. Dalam konteks pengurusan zakat di Malaysia, umumnya masyarakat menyedari bahawa urusan pelaksanaan zakat adalah dikawal selia oleh pihak MAIN di negeri masing-masing sebagai wakil kepada DYMM Sultan, Yang di-Pertua Negeri, Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertuan Agong. Urusan pelaksanaan zakat termasuklah dalam hal-hal berkaitan kutipan zakat perlulah dirujuk kepada pemerintah setempat agar selari dengan panduan yang

digariskan oleh Islam. Di Malaysia, keseluruhan negeri memperuntukkan bahawa urusan mengutip zakat perlulah dilakukan oleh amil atau ejen yang dilantik dan bertauliah sahaja. Kuasa mengutip zakat yang diberikan kepada amil pula adalah bersifat setempat dan tidak boleh merentasi kawasan negeri lain. Peruntukan perundangan berkaitan isu kutipan zakat di negeri-negeri secara jelas mengharamkan kegiatan mengutip zakat oleh ejen atau amil di negeri lain. Peruntukan perundangan ini adalah salah satu langkah yang diambil oleh pemerintah tempatan umumnya di Malaysia dalam meningkatkan kecekapan dan keadilan dalam mentadbir harta zakat di Malaysia. Menurut Islam, sesuatu ketetapan yang digariskan oleh pemerintah dan boleh membawa kebaikan adalah perlu ditaati dan dipatuhi oleh masyarakat. Masyarakat adalah diwajibkan mematuhi arahan pihak pemerintah negeri masing-masing dengan menyerahkan bayaran zakat hanyalah kepada pihak amil atau ejen yang sah perlantikannya mengikut negeri masing-masing. Pihak amil kutipan zakat pula diwajibkan untuk menzahirkan kepatuhan kepada pemerintah dengan menjalankan kutipan zakat hanyalah di dalam kawasan yang dibenarkan tanpa merentasi sempadan negeri yang ditetapkan. Sebarang pelaksanaan bayaran atau kutipan zakat yang tidak selari dengan ketetapan pemerintah adalah dihukumkan tidak sah dan diharamkan. Keputusan ini adalah selari dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri dan pandangan yang telah dikeluarkan oleh negeri Selangor dan Terengganu. Kajian ini mencadangkan perlantikan ejen-ejen zakat oleh setiap negeri perlulah dihadkan dan diselia aktivitiannya oleh pihak berautoriti zakat negeri agar mematuhi perundangan kutipan zakat dan tidak merentasi had sempadan negeri yang ditetapkan.

## RUJUKAN

Al-Quran

Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 36.

Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Al-<sup>o</sup>Asqalaniyy, Ahmad ibn <sup>o</sup>Ali ibn Hajar. 2010. *Fath Al-Bariyy Sharh Sohih Al-Bukhoriyy*. Beirut: Dar al-Ma<sup>o</sup>rifah.

Al-Husaini, Abu Bakar bin Muhammad. 2010. *Kifayah Al-Akhyar Fi Ghayah al-Ikhtisar*. Damsyik: Dar al-Khair

Al-Kasani, Alauddin Abu Bakar bin Masu'd. 2010. *Badai' As-Sonai' Fi Tartib al-Sharai'*. Beirut: Dar al Kutub al-'Ilmiah

Al-Nawawi, Muhyiddin bin Shahrif. (2010) *Raudhah At-Tolibin wa Umdah Al-Muftin*. Beirut: Al-Maktab al-Islamiyy.

Al-Nawawi, Yahya bin Sharf. *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. 1991. *Raudhah Al-Tolibin Wa 'Umdah Al-Muftin*. Damsyik: Maktab Al-Islamiyy.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. 2010. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhazzab*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. 2003. *Fiqh Al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah. hlm 748.
- Al-Qarafiyy, Ahmad Idris. 1994. *Al-Zakhirah*. Beirut: Dar Al-Gharb Al-Islamiyy.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1973. *Fiqh Al-Zakat*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 2011. *Al Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Shahatah. (2004). *Akuntansi Zakat: Panduan Praktis Penghitungan Zakat Kontemporari*. Terj Ahmad Syakur, Pustaka Progressif, Jakarta.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *Al-Fiqh Al-Islamiyy Wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar Al-Fikr
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2011. *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Al-Shafi'iyy*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Azhariah Abd Kadir. 2010. *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori Ulu Al-Amr*. Disertasi Sarjana Syari'yyah Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azman Ab Rahman, 2015. *Nizam Idarah al-Zakat Fi Malizia wa Tatbiqatiha fi Hayyiah al-Zakat Bi Selanjur*. Nilai: USIM Press.
- Didin Hafidhuddin, Salman Harun, Hasanuddin, Hukum Zakat, Terj. (1987). Pustaka Litera Antar Nusa: Jakarta.
- Farid Shufian, Tajul Aris & Mohd Hisam. 2010. *Administration of Islamic Law in Malaysia*. Edisi ke-2. Lexis Nexis: Kuala Lumpur.
- Fatwa Mufti Negeri Selangor. 2016. Dipetik daripada Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil 5/2016.
- Fatwa Mufti Negeri Terengganu. 1970. Dipetik daripada Fatwa Mufti Terengganu, Syed Yusuf bin Ali Az-Zawawi
- Ibn Daqiq Al-<sup>o</sup>Aid, Taqiyy Al-Din. 1994. *Ihkam Al-Ahkam Sharh 'Umdah Al-Ahkam*. Kaherah: Maktabah Al-Sunnah.
- Majlis Penyerahan Dan Agihan Zakat Serta Pentaulihan Amil. <<https://www.zakatkedah.com.my/majlis-penyerahan-dan-agihan-zakat-serta-pentaulihan-amil/>>. (Diakses pada 17 April 2018).
- Yosree bin Ikhsan. (2 Mei 2018). Temu bual di Pusat Islam Iskandar, Johor.